

Vaksinasi lengkap bukan 'pasport kebebasan'

Oleh Dr Haliza Abdul Rahman
bhrencana@bh.com.my

Ahad lalu, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, mengumumkan kerajaan bersetuju memberi beberapa kemudahan bagi individu yang sudah menerima vaksinasi lengkap, selepas menerima maklum balas Kementerian Kesihatan (KKM).

Ia membabitkan kemudahan kuarantin dan perjalanan di seluruh negara, terpakai ke atas semua fasa dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN) berkuat kuasa 10 Ogos. Singapura dan Thailand turut memberi kelonggaran sama selepas dua pertiga populasi mereka menerima vaksinasi sekurang-kurangnya satu dos.

Keputusan kerajaan didorong kejayaan kadar vaksinasi negara. Sejak 12 Julai

lalu, kadar vaksinasi harian mencecah lebih 400,000 dos hampir setiap hari dan buat kali pertama melepasi paras 500,000 dos pada 22 Julai.

Operasi Lonjakan Kapasiti pemberian vaksin COVID-19 di Lembah Klang juga menyaksikan jumlah penerima dos pertama bagi populasi dewasa kini melebihi 100 peratus. Data Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) menunjukkan 101.1 peratus atau 6,229,542 populasi dewasa di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya, sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Pemberian sekurang-kurangnya satu dos vaksin COVID-19 dapat mengurangkan kebarangkalian penerima perlu dirawat di hospital, jika dijangkiti virus berkenaan.

Lebih membanggakan, 51.5 peratus atau 3,172,360 penduduk dewasa di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya sudah menerima dos lengkap vaksin, sekali gus Lembah Klang semakin menghampiri

imuniti kelompok. Sehingga Jumaat lalu, sebanyak 23.6 juta suntikan dos vaksinasi diberikan di Malaysia.

Jika dilihat, kelonggaran diumumkan Perdana Menteri selaras kajian membuktikan penerima vaksin lengkap dapat mengukuhkan sistem pertahanan badan terhadap jangkitan virus COVID-19 dan melindungi diri daripada mendapat gejala jangkitan lebih teruk serta mampu mengurangkan kadar kebolehjangkitan kes positif COVID-19 sebanyak 50 peratus.

Ia juga didorong perkembangan positif terkini, yang mana Wilayah Persekutuan Labuan bersama lapan negeri berjaya beralih keluar daripada Fasa Satu PPN. Bermula 4 Ogos pula, Perlis, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan melangkah ke Fasa Tiga PPN, manakala enam lagi negeri sudah pun berada dalam Fasa Dua.

Sebagai rakyat Malaysia, kita bertanggungjawab mengatasi pandemik bersama. Pemberian kemudahan adalah bukti kepercayaan kerajaan bahawa rakyat boleh membuat pertimbangan risiko sendiri yang rasional serta bijaksana menghadapi ancaman virus yang kini sudah berleluasa dalam komuniti.

Namun, di sebalik itu jangan mudah lupa dan terleka. Harus diingat, keadaan semasa masih membimbangkan. Jumlah kes positif harian serta kadar nilai kebolehjangkitan semasa masih tinggi. Ia bukan petanda baik, ditambah kadar penggunaan katil dan wad di unit rawatan rapi (ICU) yang sudah melebihi kapasiti sepatutnya.

Timbul juga kerisauan jika ada golongan masih belum mendapat vaksinasi cuba menangguk di air keruh. Lebih membimbangkan, kelonggaran diberikan ini sangat berisiko untuk lonjakan kes melalui aktiviti seperti rentas daerah, makan di restoran dan aktiviti pelancongan membabitkan inap desa dan hotel.

Mereka yang sudah menerima vaksin masih boleh saling menjangkiti dan ia sangat berisiko

kepada mereka yang belum divaksin sepenuhnya.

Negara berhadapan cabaran varian baharu lebih ganas seperti varian Delta. Hasil penjujukan genom dilakukan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dan makmal lain membuktikan perkara ini.

Diketahui kadar penularan jangkitan varian ini begitu cepat, jauh lebih pantas daripada varian terdahulu dengan kebolehjangkitan dianggarkan antara lima hingga lapan. Maksudnya, jika 100 orang dijangkiti, ia boleh menjangkiti 800 orang lagi dalam masa singkat.

Varian Delta juga mengeluarkan virus yang banyak, kemungkinan anggaran satu juta hingga 100 juta. Tambahan pula, varian Delta ini dilaporkan 60 peratus lebih mudah berjangkit dengan lebih mudah menjangkiti golongan muda, mereka yang belum atau tidak divaksin, mereka yang baru menerima satu dos suntikan dan warga emas berusia 50 tahun.

Kelompok ini paling berisiko meninggal dunia disebabkan jangkitan ini. Keadaan ini boleh menyebabkan sistem kesihatan awam negara lumpuh sekiranya tiada langkah komprehensif diambil.

Bilangan kes harian kini juga menjangkaui 20,000 kes, manakala angka kes aktif melebihi 200,000, walaupun didominasi bilangan kes positif harian kategori satu dan dua yang menyumbang 96 hingga 98 peratus daripada keseluruhan kes.

Jumlah kematian harian juga menakutkan, dengan mencatat angka jumlah tertinggi 360 kes Ahad lalu.

Dengan melonggarkan prosedur operasi standard (SOP), risiko penyebaran varian baharu ini secara sporadik akan bertambah jika masyarakat mula berkumpul di tempat awam seperti di pusat beli-belah dan kedai makan.

Harus diingat, kanak-kanak dan bayi belum dibenarkan mengambil vaksin untuk virus ini. Mereka masih berisiko tinggi dan akan lebih terkesan sekiranya dijangkiti.

Walaupun kejayaan kadar vaksinasi harian tidak dapat disangkal, dengan statistik JKJAV memaparkan keseluruhan mereka yang mendaftar untuk vaksinasi sudah mencecah 20 juta, ia masih jauh daripada angka populasi Malaysia seramai 32.75 juta.

Tambahan pula, lengkap mendapat suntikan vaksin bukanlah satu jaminan mutlak untuk kekal atau tidak boleh dijangkiti virus COVID-19.

Ketahuilah bahawa vaksin bukanlah 'pasport kebebasan' ia bukanlah ubat, sebaliknya berperanan menguatkan antibodi atau daya ketahanan tubuh badan untuk melawan penyakit.

Dalam bidang perubatan, tiada ubat atau vaksin boleh memberi kesembuhan 100 peratus. Malah, demam pun ada yang tidak sembuh selepas seseorang mengambil ubat, memerlukan pesakit berjumpa doktor semula.

Natijahnya, SOP dan peraturan ditetapkan berkaitan pandemik harus dipatuhi sebaik mungkin. Ternyata tahap keselamatan diri daripada dijangkiti, dijangkiti semula atau menjangkiti orang lain bergantung kepada cara SOP diamalkan, iaitu melalui kawalan sendiri.

Perlu juga difahami, vaksinasi bukan pengganti SOP, terutama dalam sektor yang beroperasi ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Walaupun vaksinasi sangat penting untuk memulihkan negara, SOP sedia ada seperti penjarakan sosial, pemakaian pelitup muka dan lain-lain mesti terus dipraktikkan sepenuhnya tanpa kompromi.

Gunakanlah ruang 'kelonggaran' dan 'kebebasan' diberi kerajaan dengan bijaksana dan berhemah.

Walaupun vaksinasi sangat penting untuk memulihkan negara, SOP sedia ada seperti penjarakan sosial, pemakaian pelitup muka dan lain-lain mesti terus dipraktikkan sepenuhnya tanpa kompromi

